



## PEJABAT BENDAHARI

### KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA B

1. Tawaran adalah dipelawa daripada petender-petender yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA/PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK** di dalam kod bidang **221502 (PERKHIDMATAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN MESIN DAN PERALATAN PEJABAT)** dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi tawaran berikut:-

RUJUKAN	BUTIRAN TAWARAN	NO. PETI TENDER	TARIKH TUTUP
UPMKB/SHB-03/2023 (KSR)	PERKHIDMATAN SEWAAN SEBELAS (11) UNIT PENAPIS AIR BAHARU DI SEMUA BLOK PENGINAPAN PELAJAR KOLEJ SRI RAJANG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN	3	03 APRIL 2023 12.00 Tengahari

2. Dokumen Tawaran Sebutharga boleh diperolehi secara percuma mulai **27 Mac 2023** di laman sesawang rasmi Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak [www.btu.upm.edu.my](http://www.btu.upm.edu.my)
3. Dokumen Tawaran Sebut Harga hendaklah sampai dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **No. 3** pada atau sebelum **03 April 2023 jam 12.00 tengahari**. Jika sebutharga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh tutup sebutharga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
4. Pihak Universiti tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran dan keputusan Universiti adalah muktamad.

**PEJABAT BURSAR  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN NO. 170)**

**DOKUMEN SEBUT HARGA B PERKHIDMATAN**

No. Rujukan Sebut Harga	:	UPMKB/SHB-03/2023 (KSR)
Tajuk Sebut Harga	:	PERKHIDMATAN SEWAAN SEBELAS (11) UNIT PENAPIS AIR BAHARU DI SEMUA BLOK PENGINAPAN PELAJAR KOLEJ SRI RAJANG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
Kod Bidang	:	221502
Tarikh Tutup	:	03 APRIL 2023
Pusat Tanggungjawab (PTJ)	:	KOLEJ SRI RAJANG

**SYARAT SEBUT HARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa untuk melaksanakan perkhidmatan di atas tertakluk kepada syarat-syarat sebut harga.
2. Sila nyatakan tempoh kontrak/penyiapan bagi perkhidmatan yang ditawarkan.
3. Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari (3 bulan) dari tarikh tutup sebut harga.
4. Penyebutharga hendaklah menyerahkan Dokumen Sebut Harga ini kepada Pusat Tanggungjawab yang mengeluarkan sebut harga ini pada atau sebelum tarikh dan masa yang ditetapkan.
5. Jika diminta, penyebutharga hendaklah menyediakan katalog bagi alat-alat yang telah ditetapkan untuk sebut harga berkenaan.
6. Jika ruangan pada dokumen yang disediakan tidak mencukupi, penyebutharga bolehlah menggunakan lampiran dan lampiran hendaklah ditandatangani dan dicop dengan cop penyebutharga.
7. Penyebutharga hendaklah memastikan perkara berikut dipatuhi:-
  - (a) Penyebutharga hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan satu salinan Sijil Pendaftaran tersebut hendaklah dihantar bersama dokumen sebut harga ini.
  - (b) **Penyebutharga hendaklah mengemukakan salinan surat kelulusan daripada JKDM (jika ada).**

- (c) Penyebutharga hendaklah bebas dari sebarang tindakan tatatertib pihak Kementerian Kewangan Malaysia. Tindakan akan diambil ke atas pembekal yang melanggar peraturan ini.
  - (d) Penyebutharga yang menyertai sebut harga ini atas pilihan dan risikonya sendiri dan tidak berhak membuat apa-apa tuntutan ke atas Universiti Putra Malaysia, segala gantirugi dari sebarang kerugian yang berpunca dari penyertaannya dalam sebut harga ini adalah di bawah tanggungannya sendiri.
- 

Fakulti/Jabatan/Bahagian:

Kolej Sri Rajang  
Universiti Putra Malaysia  
Kampus Bintulu, Sarawak  
Tel: 086-855339

Tandatangan dan cop:

Tarikh: 10 MAC 2023

# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

## SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

### 1. Keadaan Barang

Barang-barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru, belum digunakan dan menepati mutu yang telah ditetapkan.

### 2. Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan merupakan harga bersih meliputi semua kos perbelanjaan termasuk pengangkutan, pemasangan, pembungkusan, cukai-cukai berkaitan atau lain-lain.

### 3. Sebut Harga Sebahagian

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi semua item atau sebahagian bilangan item.

### 4. Sebut Harga Setara

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### 5. Persetujuan

- a) Universiti Putra Malaysia tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga;
- b) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu sebut harga yang berasingan; dan
- c) Keputusan UPM ke atas sebut harga ini adalah muktamad.

### 6. Perakuan Menyatakan Spesifikasi Telah Dipatuhi

Penyebutharga adalah dikehendaki membuat perakuan bahawa perkhidmatan yang dilaksanakan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

### 7. Penolakan

- a) Universiti Putra Malaysia berhak menolak/menamatkan perkhidmatan yang tidak memuaskan atau yang berlainan daripada spesifikasi yang telah dipersetujui.

b) Jika Kontraktor gagal melaksanakan kerja-kerja Perkhidmatan Penyelenggaraan itu dengan memuaskan dan sempurna UPM berhak mengenakan penalti yang akan dikenakan dari Bayaran Perkhidmatan pada kadar berikut:-

i) Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Kerajaan boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat sehingga peralatan tersebut sedia untuk digunakan di premis yang ditentukan oleh Kerajaan seperti formula denda berikut:

$$A \times B \times C \times 1\%$$

A : Nilai sewaan peralatan sebulan.

B : Bilangan hari yang lewat.

C : Bilangan peralatan.

ii) Setelah Penerimaan Peralatan Sempurna Dalam Tempoh Sewaan

Universiti berhak mengenakan denda sebanyak 1% daripada nilai sewa peralatan bagi setiap satu hari Universiti tidak dapat menggunakan peralatan untuk tujuan disewa.

## **8. Syarat Pegangan Ekuiti Syarikat Semasa Tempoh Kontrak**

Kontraktor dilarang membuat perubahan pegangan ekuiti syarikat sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Universiti terlebih dahulu.

## **9. Tafsiran**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai Sebut harga atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **10. Surat-Menyurat Dari Penyebutharga Yang Tidak Berjaya**

Universiti tidak akan melayan sebarang surat-menyurat daripada penyebutharga-penyebutharga mengenai sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

## **11. Insurans**

Sebelum memulakan perkhidmatan yang dipersetujui, Kontraktor hendaklah di atas kos dan perbelanjaannya sendiri, telah mengambil insurans, dipihaknya perlu mengambil demi menjaga kepentingannya sendiri, pekerja-pekerja dan/atau perkhidmatan yang akan dikendalikan, di bawah kontrak ini dengan nilai yang mencukupi dan munasabah dan seperti berikut:-

- i) Insurans Pampasan Pekerja dan/atau berdaftar dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
- ii) Insurans Liabiliti awam dan harta benda, dan/atau memastikan Kontraktor telah menepati syarat yang ditetapkan di sini, dan UPM adalah berhak dan boleh menganggap Kontraktor telahpun mematuhi kehendak fasal ini sebaik sahaja Kontrak ini ditandatangani.

DENGAN SYARAT LAGI Kontraktor hendaklah dan memberi akujanji dan jaminannya di sini untuk membuat pampasan, mengganti rugi UPM, dan/atau mengecualikan UPM dari sebarang tuntutan, perbelanjaan dan pembayaran yang mungkin dituntut oleh pihak ketiga dan/atau mana-mana pihak sekalipun dan yang berpunca daripada kemungkinan Kontraktor berkaitan fasal di sini.

## 12. Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan

Bagi mengukuhkan usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketelusan dalam Perolehan Kerajaan, semua Agensi Kerajaan perlu melaksanakan *Integrity Pact* berdasarkan Garis Panduan seperti berikut:

### (a) **Semasa Penghantaran Dokumen Tawaran Oleh Penyebutharga:**

Kesemua Penyebutharga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** seperti di **Lampiran A** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

### (b) **Semasa Mengembalikan Surat Setuju Terima Oleh Penyebutharga Berjaya**

Penyebutharga yang berjaya dikehendaki menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

## 13. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan

- (a) Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- (b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- (c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tataterib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan syarikat atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- (d) Mana-mana syarikat atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

**14. Penyerahan Sebut Harga**

- i) Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar ke Pusat Tanggungjawab yang mengeluarkan tawaran.
- ii) Dokumen sebut harga hendaklah sampai pada atau sebelum tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Dokumen yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**Pengesahan Penyebutharga**

Syarat-syarat di atas kesemua keseluruhan daripada perkara 1 hingga 14 telah dibaca dan saya/syarikat ini bersetuju dengannya.

.....  
Tandatangan & Cop Syarikat

Nama Penuh : .....  
No. K/P : .....  
Alamat : .....

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BORANG TAWARAN HARGA

No. Rujukan Sebut Harga: UPMKB/SHB-03/2023 (KSR)

Tajuk Sebut Harga : PERKHIDMATAN SEWAAN SEBELAS (11) UNIT PENAPIS AIR BAHARU DI SEMUA BLOK PENGINAPAN PELAJAR KOLEJ SRI RAJANG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Bil.	Perihal	Ukuran/ Keluasan	Kekerapan	Kadar Harga Seunit (RM)	Jumlah Harga Keseluruhan (RM)
1.	SEWAAN SEBELAS (11) UNIT PENAPIS AIR BAHARU				
	<b>Jumlah Harga Tawaran Keseluruhan Tanpa Cukai Perkhidmatan</b>				
	<b>Jumlah Harga Tawaran Keseluruhan Termasuk Cukai Perkhidmatan</b>				

Tempoh Hantaran/Perkhidmatan/Kontrak: .....

.....  
(Tandatangan Penyebutharga)

Nama dan Kad Pengenalan : .....

Alamat Syarikat : .....

Cop Syarikat :

Tarikh:.....





## PEJABAT BURSAR

### SENARAI SPESIFIKASI SEBUT HARGA

No. Rujukan Sebut Harga : UPMKB/SHB-03/2023 (KSR)

Tarikh Tutup & Masa : 03 APRIL 2023

**TAJUK : PERKHIDMATAN SEWAAN SEBELAS (11) UNIT PENAPIS AIR BAHARU DI SEMUA BLOK PENGINAPAN PELAJAR KOLEJ SRI RAJANG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.**

#### 1. TUJUAN

Kontrak ini adalah kontrak Perkhidmatan Sewaan Sepuluh (10) Unit Penapis Air Baharu Di Semua Blok Penginapan Pelajar Kolej Sri Rajang

#### 2. TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak selama 36 bulan (3 Tahun)

#### 3. LOKASI

Perkhidmatan dan penyewaan penapis air di Kolej Sri Rajang, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak dengan lokasi terperinci seperti berikut;

Bil	Nama Lokasi	Aras
1.	Blok A Bangunan Penginapan Siswa	Aras Bawah (0)
2.	Blok B Bangunan Penginapan Siswa	Aras Bawah (0)
3.	Blok C Bangunan Penginapan Siswa	Aras Bawah (0)
4.	Blok D Bangunan Penginapan Siswa	Aras Bawah (0)
5.	Blok E Bangunan Penginapan Siswa	Aras Bawah (0)
6.	Blok F Bangunan Penginapan Siswi	Aras Bawah (0)
7.	Blok G Bangunan Penginapan Siswi	Aras Bawah (0)
8.	Blok H Bangunan Penginapan Siswi	Aras Bawah (0)
9.	Blok I Bangunan Penginapan Siswi	Aras Bawah (0)
10.	Blok J Bangunan Penginapan Siswi	Aras Bawah (0)

#### 4. PEMASANGAN MESIN PENAPIS AIR DALAM LOKASI

4.1 Semua kos penghantaran dan pemasangan penapis air di lokasi yang tersebut diperenggan 3 hendaklah ditanggung oleh petender.

- 4.2 Apabila tamat tempoh sewaan atau penamatan lebih awal perjanjian, Pemilik penapis hendaklah mengalihkan penapis tersebut daripada lokasi tanpa mengenakan apa-apa kos kepada Kolej Sri Rajang.

## 5. PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN

- 5.1 Petender hendaklah membekalkan Perkhidmatan Penyelenggaraan Mesin seperti berikut:
- Bagi petender yang membekalkan penapis air hendaklah menyelenggara penapis air berkenaan secara menyeluruh dan memastikan ia dapat diguna tanpa menjejaskan operasi Kolej Sri Rajang.
  - Pemeriksaan, penyesuaian dan lain-lain perkhidmatan umum yang perlu untuk menyelenggarakan penapis air dalam keadaan munasabah dan berterusan dengan sepatutnya tanpa sebarang kos tambahan. Petender hendaklah menyediakan Jadual Penyelenggaraan.
  - Pelaksanaan pembaikan dan penggantian bahagian yang difikirkan perlu untuk menyelenggarakan mesin penapis air dalam keadaan munasabah dan penapis air berfungsi dengan sepatutnya tanpa sebarang kos tambahan.
  - Semua penyelenggaraan akan disediakan dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari bekerja. Petender mempunyai hak untuk menukar masa dan hari bekerja perkhidmatan melalui notis bertulis kepada Kolej Sri Rajang dengan persetujuan kedua-dua belah pihak.
  - Dalam waktu tertentu penyelenggaraan dan pembaikan penapis air mesti dilaksanakan dalam tempoh yang singkat bagi memastikan mutu perkhidmatan di Kolej Sri Rajang tidak terjejas. Kos penyelenggaraan dan pembaikan penapis air ditanggung sepenuhnya oleh petender.

## 6. SENARAI SPESIFIKASI TEKNIKAL

Bil	Spesifikasi UPM	Kuantiti	[ √ ] jika memenuhi spesifikasi [ X ] jika tidak memenuhi spesifikasi atau isi maklumat berkenaan dalam ruang kosong
<b>A</b>	<b>PRODUCT FEATURES</b>		
1.	Product Name		
2.	Product Model		
	Dimension Product		
3.	Filtration Method : Reverse Osmosis / Mineral / Alkaline		
4.	Power Consumption		
5.	Product Type : Stand		[ ]
6.	Tank Capacity Minimum 10 L		[ ]
7.	Filter Coverage : i. Sediment ii. Pre Carbon Block iii. Natural iv. Nanopositive		_____ mth/yrs _____ mth/yrs _____ mth/yrs _____ mth/yrs
			*Please fill the period of coverage

8.	Hot, Warm, Cold and Room Temperature		[ ]
9.	Controllable Hot Water Temperature		[ ]
10.	Faster Filtration Performance		[ ]
11.	Temperature Indicator		[ ]
12.	Energy Saving		[ ]
13.	Direct Water Pipe Connection		[ ]
14.	Safety Automatic cut off power supply when water level is low?		[ ]
15.	Environmental Friendly?		[ ]
16.	Conserve Friendly?		[ ]
<b>B</b>	<b>INSTALLATION SERVICE AFTER SALE</b>		
17.	Free Installation		[ ]
18.	Free Services  a) Nature Care Service Visit (Filter replacement every four month  b) Electric-Steriliser On Water Tanks  c) Stem Sterilisation On Water Tanks And Faucet  d) 15 NCS Point Checked ensure each part well-functions and clean adaptor, power point, top cover, bottom cover, water tray, water faucet, water tank, filter, tubing, connector, Hot/Cold Switch button, Child lock safety button, touch cup/lever machine body, service sticker and explained		_____ years Care Service Package:  a) .....  b) .....  c).....  d).....

19.	Free Part Repair		_____ years
20.	Periodical visiting (every 3-4 month)		[    ]
21.	Free product sanitation while doing function check		[    ]
22.	The technician representative will respond to UPMKB's call within 8-24 hours after receiving a faulty report.		[    ]
23.	To provide spare (temporary) water filter if maintenance of faulty one cannot be done within 1 day.		[    ]
24.	Service support base in Bintulu		[    ]

JENAMA/MODEL/BUATAN

YANG DITAWARKAN : -----

TEMPOH HANTARAN : -----

1. Sila tanda : [ / ] jika memenuhi spesifikasi  
[ x ] jika tidak memenuhi spesifikasi
2. Sekiranya terdapat aksesories tambahan sila kemukakan keterangan spesifikasi yang lengkap secara berasingan.
3. Borang ini hendaklah diisi dalam dua (2) salinan.

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**Bagi**

(PERKHIDMATAN SEWAAN SEBELAS (11) UNIT PENAPIS AIR BAHARU DI SEMUA BLOK  
PENGINAPAN PELAJAR KOLEJ SRI RAJANG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU  
SARAWAK BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN - UPMKB/SHB-03/2023 (KSR)  
(Tajuk dan Nombor Sebut Harga)

Saya,..... nombor K.P.....yang

(Nama Wakil Syarikat>Nama Pemilik Syarikat)

\*mewakili/memiliki.....nombor

(Nama Syarikat)

Pendaftaran.....dengan ini mengisytiharkan bahawa

(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)

saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Universiti Putra Malaysia** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Universiti Putra Malaysia** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan bilik tawaran kontrak bagi sebut harga diatas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
(Tandatangan)

**Nama dan No. K.P.:**

Cop Syarikat:

**Catatan\* Potong mana yang tidak berkaitan.**

**SENARAI SEMAKAN  
(BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

Nota: Sila tandakan ( / ) Bagi Dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
<b>Senarai Semak Dokumen Kewangan</b>			
1.	*Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Akuan Syarikat Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) (Sekiranya Ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) (Sekiranya Ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Borang Tawaran Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Borang Maklumat Penyebutharga/Profail Syarikat (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Akaun Syarikat Bagi Tempoh Dua (2) tahun Terakhir Yang Telah Disahkan Dan Diaudit (Sekiranya Ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Surat Pengesahan Dari Pengeluar/Pembuat (Jika Berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (Dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh tutup tender) (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Surat Akuan Pembida (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<b>Senarai Semak Dokumen Teknikal-DILARANG mempunyai sebarang cop/pengenalan syarikat</b>			
10.	Senarai Spesifikasi (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (Jika Berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Cadangan Penyelenggaraan /Penyenggaraan Katalog (Jika Berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13.	Senarai Kakitangan Teknikal (Jika Berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
<p><b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>			

## JADUAL PELAKSANAAN

Tajuk: **Perkhidmatan Sewaan Sebelas (11) Unit Penapis Air Baharu Di Semua Blok Penginapan Pelajar Kolej Sri Rajang, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.**

Petender hendaklah mengisi ruangan yang telah disediakan.

BIL.	PERKARA	JADUAL PELAKSANAAN	KEUPAYAAN UNTUK MEMENUHI PERKHIDMATAN (tandakan di ruangan yang telah disediakan)
1.	Sewaan 11 Unit Mesin Penapis Air Baharu	Tempoh hantaran:  ..... <i>(Diisi oleh Petender)</i>	( ) Setuju  ( ) Tidak Setuju

**Saya perakui bahawa segala keterangan di atas adalah benar.**

.....  
(Tandatangan Petender)  
Nama Penuh :  
No. Kad Pengenalan :  
Jawatan :  
Tarikh :

.....  
(Tandatangan Saksi Petender)  
Nama Penuh :  
No. Kad Pengenalan :  
Jawatan :  
Tarikh :





PEGAWAI KEWANGAN  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
KAMPUS BINTULU SARAWAK  
JALAN NYABAU  
97008 BINTULU, SARAWAK.

**TAJUK: PERKHIDMATAN SEWAAN SEBELAS (11) UNIT PENAPIS AIR BAHARU DI SEMUA BLOK PENGINAPAN PELAJAR KOLEJ SRI RAJANG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

TARIKH TUTUP	NO. PETI	MASA	NO. RUJUKAN
03 APRIL 2023	3	12.00 TENGAHARI	UPMKB/SHB-03/2023 (KSR)

*(Tampal atas sampul surat sebutharga)*